

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L
ARULANANDRAM [KUALA LANGAT]**

SOALAN

DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDRAM [KUALA LANGAT] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilangan penyiasatan, penahanan dan pendakwaan dibuat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk tahun 2019 dan 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019, sejumlah **156** kertas siasatan telah dibuka oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di bawah Seksyen 233 AKM 1998, dan sebanyak tujuh (**7**) kes berjaya didakwa, dan dua (**2**) kes dikompaun.
2. Manakala pada tahun 2020, dari tempoh Januari sehingga September 2020 pula, sejumlah **178** kertas siasatan telah dibuka oleh pihak SKMM di bawah Seksyen 233 AKM 1998, dan sebanyak tujuh (**7**) kes berjaya didakwa, dan tiga belas (**13**) kes telah diberikan surat amaran.
3. Peningkatan tindakan siasatan dan penguatkuasaan ini adalah berpunca daripada penyebaran berita palsu melibatkan pandemik COVID-19.